

15 APR 2000

SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA DISAMBUT DI PAHANG

LANGKAWI, 15 April (Bernama) -- Sambutan Hari Belia Negara 2000 pada 15 Mei ini akan diadakan pertama kalinya di luar Kuala Lumpur.

Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan Datuk Mahammad Zabri Min berkata kementerian memilih Pusat Rekreasi Air Balok Kuantan, Pahang dengan harapan untuk memeriahkan lagi sambutan sempena alaf baru.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan sambutan itu yang dijangka disertai 5,000 pemimpin belia dari seluruh negara, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kepimpinan Belia Islam peringkat zon utara di sini hari ini.

Beliau berkata 11 anugerah akan disampaikan pada majlis sambutan itu kepada tokoh pemimpin dan persatuan belia yang banyak berjasa.

Mahammad juga berkata kementerian akan membina 19 pusat rakan muda di seluruh negara dalam usaha menghimpunkan golongan belia di satu tempat khusus menjalankan pelbagai kegiatan belia.

Seramai 100 pemimpin belia dari Perlis, Pulau Pinang dan Kedah menyertai program kepimpinan selama tiga hari itu.

-- BERNAMA

ZI RON